



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (1) Mei 2024 (062-074)

Analisis Penggunaan Ayat Majmuk dalam Teks Rasmi Ucapan Menteri Pendidikan 2022

Nur Asyikin Rodin & Mohamad Nik Mat Pelet*

2023350333@student.uitm.edu.my & nikmat@uitm.edu.my

*Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam*

**Penulis Koresponden*

Tarikh terima : 26 Februari 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 23 April 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2024
Published online

Abstrak

Teks ucapan rasmi kerajaan memberi impak yang bermakna kepada masyarakat amnya kerana ia merupakan wadah untuk kerajaan menyalurkan maklumat, menyampaikan amanat dan memberi informasi penting dan tepat. Kebanyakan penyediaan teks rasmi ucapan menteri adalah dalam bahasa Melayu dan penulisan ayat dalam teks ucapan sering menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk. Namun, penguasaan ayat majmuk yang masih rendah menyebabkan struktur ayat majmuk yang digunakan dalam sesuatu teks rasmi agak terhad dan mengelirukan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti penggunaan ayat majmuk dan menganalisis struktur pembentukan ayat majmuk yang digunakan dalam teks rasmi ucapan Menteri Pendidikan pada tahun 2022. Kajian kualitatif bersifat deskriptif dengan menganalisis dokumen rasmi teks ucapan Menteri Pendidikan 2022 telah diguna pakai dan data kajian yang diperoleh dianalisis berdasarkan Pendekatan Tatabahasa Dewan yang menjadi sumber rujukan utama berkaitan dengan ilmu tatabahasa di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa teks ucapan rasmi Menteri Pendidikan secara berfokus menggunakan tiga jenis ayat majmuk, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Ayat majmuk gabungan paling banyak digunakan dalam teks rasmi ucapan Menteri Pendidikan berbanding ayat majmuk pancangan. Implikasi kajian ini dapat menjelaskan bahawa ayat majmuk yang digunakan dapat menyampaikan maklumat dengan lebih baik dan mudah difahami kerana terdapat unsur penerangan ayat melalui pemajmukan yang dibuat dalam struktur ayat yang digunakan dalam teks ucapan rasmi. Kajian terhadap ayat majmuk yang terdapat dalam teks rasmi ucapan Menteri Pendidikan penting untuk mendedahkan bahawa penggunaan ayat majmuk dapat membantu pendengar atau pembaca lebih faham terhadap mesej yang ingin disampaikan dengan menggunakan struktur yang tepat sebagaimana yang ditekankan dalam Pendekatan Tatabahasa Dewan.

Kata Kunci: ayat majmuk, teks rasmi, ucapan menteri pendidikan, Pendekatan Tatabahasa Dewan

Analysis of the Use of Compound Sentences in Official Texts Speech of the Minister of Education, 2022

Abstract

The text of the government's official speech has a meaningful impact on the public because it is a vehicle for the government to channel information, deliver mandates and provide important and accurate information. Most of the preparation of the official text of the Minister's speech is in Malay and the writing of sentences in the text of the speech often uses single sentences and plural sentences. However, the dominance of compound sentences is still low, causing the compound sentence structure used in an official text to be quite limited and confusing. Therefore, this study was carried out to identify the use of compound sentences and analyze the structure of the formation of compound sentences used in the official text of the Minister of Education's speech in 2022. A descriptive qualitative study by analyzing the official documents of the text of the Minister of Education's 2022 speech has been used and the research data obtained and analyzed is based on Tatabahasa Dewan. The findings of the study found that the text of the Minister of Education's official speech focused on using three types of compound sentences, namely compound sentences, compound sentences and mixed compound sentences. Compound sentences are most often used in the official text of the Minister of Education's speech. The implications of this study can explain that the plural sentences used can convey information better and easier to understand because there are elements of sentence explanation through pluralization made in the sentence structure used in official speech texts. The study of compound sentences found in the official text of the Minister of Education's speech is important to reveal that the use of compound sentences can help listeners or readers better understand the message to be conveyed.

Keywords: compound sentence, official text, speech of the minister of education, Tatabahasa Dewan Approach

1. Pengenalan

Komunikasi didefinisikan sebagai perhubungan sama ada secara langsung atau melalui surat radio telefon dan sebagainya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010). Komunikasi bukan sahaja melibatkan lisan tetapi terdapat juga dalam bentuk tulisan. Misalnya, dalam bentuk buku teks, majalah, artikel, surat khabar, media sosial dan sebagainya. Seterusnya, Schramm (1971) (dalam A Azni, 2012) menyatakan fungsi komunikasi bagi menyampaikan mesej yang bertujuan untuk memberitahu, mendidik, memujuk dan juga menghiburkan. Di samping itu, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) pula mendefinisikan komunikasi adalah bahasa yang dianggap sebagai satu alat untuk menyebarkan atau menyampaikan maklumat selain menjadi medium perhubungan yang melibatkan orang ramai. Kajian oleh Yusniza Yaakub dan Noriah Mohamed (2018) menyatakan ucapan yang berimplikatur memberi kesan kepada khayalak dengan mengambil kira bahasa, budaya dan elemen sopan santun dalam kalangan masyarakat untuk menyampaikan sesuatu yang bermanfaat dengan komunikasi yang berkesan.

Justeru, struktur ayat yang digunakan dalam sesuatu pengucapan sangat dititikberatkan kerana pemahaman berkaitan mesej yang ingin disampaikan adalah sangat penting bagi membolehkan pendengar ataupun pembaca mampu memahami kandungan sebenar yang perlu diketahui tanpa menyebabkan sebarang ketirisan maklumat. Proses memahami pengucapan bukan sahaja melibatkan mental pendengar atau pembaca untuk mengakses makna yang disampaikan malah, penyampaian kandungan melalui ujaran ayat yang digunakan juga sangat penting bagi memastikan kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada situasi atau keadaan tersebut. Oleh itu, betapa pentingnya pemilihan ayat yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu ucapan untuk memastikan perkara utama dapat diperjelaskan dengan ayat yang berkesan dan mudah difahami oleh semua sasaran. Begitu juga halnya dengan ucapan yang disampaikan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti wakil kerajaan dalam menyampaikan maklumat yang perlu difahami oleh setiap lapisan masyarakat.

Pihak kerajaan pada masa kini menggunakan pelbagai medium untuk memastikan masyarakat dapat menerima mesej atau maklumat yang ingin disampaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pada era pemodenan ini, masyarakat tidak lagi menggunakan medium seperti surat khabar, televisyen dan radio

untuk mendapatkan maklumat. Namun, masyarakat pada masa kini telah menggunakan medium moden seperti laman sesawang, media sosial dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat terkini (Syed Mohammad Hilmi et al., 2022). Lantaran itu, bagi menyampaikan maklumat yang tepat dan baik, pihak kerajaan akan menyediakan ucapan yang dipenuhi dengan kandungan fakta yang tepat dan disahkan kesahihannya supaya masyarakat menerima maklumat dengan tepat. Ucapan yang disampaikan oleh pihak kerajaan dapat difahami oleh masyarakat sekiranya mereka menginginkan maklumat tersebut. Misalnya, masyarakat menginginkan maklumat berkaitan pendidikan, maka mereka akan memberi tumpuan terhadap setiap ucapan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan atau pihak yang terlibat melalui pelbagai medium termasuklah memuat turun teks ucapan rasmi menteri yang boleh diperoleh sama ada di laman sesawang dan sebagainya.

1.1. Latar Belakang Kajian

Ayat bagi sesuatu bahasa tidak mempunyai had bilangan iaitu sesebuah ayat terdiri daripada dua golongan, iaitu ayat dasar dan ayat terbitan atau disebut sebagai ayat transformasi. Kedua-dua golongan ayat tersebut mempunyai pelbagai jenis ayat iaitu jenis ayat bagi ayat dasar adalah ayat penyata dan ragam ayat aktif. Jenis ayat bagi ayat terbitan pula terdiri daripada ayat tanya, ayat perintah, ayat seruan, ayat majmuk, ayat aktif, ayat pasif dan sebagainya (Nik Safiah Karim et al., 2015). Fungsi ayat pula bergantung kepada makna ayat tersebut. Dengan kata lainnya, sesuatu makna ayat dapat menentukan fungsi atau tujuan ayat tersebut digunakan. Ayat majmuk pula terdiri daripada tiga jenis, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Ciri-ciri ayat majmuk adalah terdiri daripada dua subjek atau lebih, dua predikat atau lebih, dua klausa atau lebih dan sebagainya. Setiap jenis ayat majmuk mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Binaan ayat majmuk tidak hanya terkandung dalam teks rasmi atau teks berunsurkan fakta semata-mata, malah penggunaan ayat majmuk adalah secara meluas termasuklah dalam kandungan teks berbentuk pantun. Menurut Ab Razak dan Nurul Ain (2016), binaan pantun adalah berbentuk kompleks kerana banyak berlaku unsur transformasi namun secara tidak langsung penggunaan ayat majmuk dapat dianalisis melalui beberapa proses yang terkandung dalam ciri-ciri ayat majmuk. Justeru, penggunaan ayat majmuk yang digunakan secara meluas perlu dianalisis dan dikaji bagi memastikan penggunaan struktur ayat majmuk adalah berteraskan cadangan sebagaimana yang ditekankan dalam buku *Tatabahasa Dewan*.

Selain pantun, teks ucapan adalah sumber data yang jelas untuk menilai, menganalisis dan menjelaskan berkenaan penggunaan ayat termasuklah ayat majmuk. Kandungan teks ucapan adalah susunan ayat-ayat yang ingin dizahirkan bagi menyatakan pelbagai hasrat atau harapan seseorang terhadap sesuatu majlis atau perkara untuk masa hadapan. Teks ucapan disediakan untuk penutur agar perkara yang ingin disampaikan lebih teratur dan mudah difahami. Ciri-ciri teks ucapan adalah mempunyai pendahuluan, isi penting yang ingin disampaikan dan akhir sekali penutup bicara (Akhi Muhammad Aiyas, n.d.). Penyediaan bagi sesuatu teks ucapan bukan hanya bergantung kepada keupayaan kemahiran menulis atau menyediakan teks ucapan, namun pendengar juga perlu mempunyai kemahiran untuk memahami pengucapan seseorang agar mesej yang ingin disampaikan dapat diterima baik.

Meskipun pendengar mempunyai latar belakang yang berbeza daripada penutur, namun pendengar perlu mempunyai kemahiran asas dalam bidang pengucapan untuk memahami unsur yang ingin disampaikan oleh pengujar atau orang yang berucap terutamanya memahami penggunaan ayat yang digunakan bagi memastikan tafsiran makna dapat diperoleh secara berkesan. Lantaran itu, penggunaan ayat sangat memberi makna dalam sesuatu ujaran atau ucapan untuk memastikan nilai maklumat yang disampaikan memberi impak terutama perkara-perkara yang mempunyai nilai estetika termasuklah ucapan-ucapan wakil kerajaan yang disampaikan melalui wakil-wakil menteri dalam menyampaikan dasar-dasar yang perlu disebar luas terhadap masyarakat amnya. Oleh itu, sekiranya penggunaan ayat majmuk kurang dititikberatkan dalam sesuatu teks ucapan, ia boleh menyebabkan penyampaian maklumat kurang difahami dan boleh membuatkan pendengar merasakan penyampaian tersebut terlalu panjang dan tidak menarik.

Penggunaan ayat majmuk juga perlulah diteliti dari segi prinsip pemilihan ayat yang sesuai digunakan kerana pemahaman oleh pendengar akan berbeza-beza. Latar belakang pendengar perlu dititikberatkan lebih-lebih lagi jika menggunakan ayat majmuk yang kompleks. Situasi tersebut akan menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat yang ingin disampaikan lebih-lebih lagi, dalam teks ucapan menteri yang perlu disampaikan kepada pelbagai lapisan masyarakat yang datang daripada pelbagai latar belakang yang berbeza-beza.

2. Sorotan Kosa Ilmu

Seterusnya, terdapat kajian lepas yang telah mengkaji teks ucapan seperti Kajian Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022) yang mengkaji Teks Perdana Menteri semasa era Pandemik COVID-19 dan juga Wong Shia Ho (2014) menjalankan kajian terhadap Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman. Walaupun kajian-kajian tersebut tidak menjurus terhadap penggunaan ayat majmuk, namun kajian yang berfokus terhadap penggunaan ayat majmuk perlu dititikberatkan untuk menjelaskan kepentingan penggunaan ayat majmuk dalam sesuatu ucapan. Perbincangan seterusnya akan memperincikan beberapa kosa ilmu dengan menyoroti kajian-kajian lepas yang berkait secara langsung dengan kajian yang dilakukan ini. Walaupun tidak terdapat kajian lepas yang menggali penggunaan unsur ayat majmuk namun, ia dapat memperkukuhkan usaha yang dilakukan dalam kajian ini kelak.

Nurul Haida Hj Reduzan, Normarini Norzan dan Abdullah Yusof (2018) telah melakukan satu kajian berkaitan penggunaan ayat majmuk pancangan iaitu ayat majmuk pancangan jenis relatif, komplemen dan keterangan. Kajian ini turut melakukan penelitian terhadap kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan. Hasil daripada kajian ini adalah penggunaan ayat majmuk adalah paling tinggi dikenal pasti berbanding yang lain. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Arina Johari dan Mohd. Zuber Ismail (2013) adalah berkaitan kesalahan umum struktur ayat majmuk dengan menggunakan sebanyak 41 buah karangan yang ditulis oleh pelajar asing yang mengambil kursus bahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar asing melakukan beberapa kesalahan aspek ayat majmuk seperti aspek tatabahasa, pembentukan ayat majmuk dan sebagainya. Justeru, kelemahan dalam menguasai ayat majmuk perlu diatasi agar tidak memberi kesan terhadap kesalahan-kesalahan lain sehingga menjejaskan pemahaman dan pengertian sedia ada pada pendengar atau pembaca terutama teks ucapan sebagaimana kajian ini.

Selain itu, Zurakintan Abdul Razak (2014) juga telah melakukan satu kajian untuk melihat penguasaan pelajar prauniversiti berkaitan ayat majmuk bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan Teori Transformasi Generatif untuk mencapai kedua-dua objektif kajian ini dilaksanakan. Di samping itu, kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan juga kajian lapangan iaitu kaedah soal selidik, temu bual dan juga instrumen ujian untuk mendapatkan data. Hasil daripada kajian ini adalah pengkaji membuktikan bahawa penguasaan pelajar prauniversiti terhadap ayat majmuk adalah di tahap yang sederhana dan lemah. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa penggunaan ayat majmuk tidak dianggap penting sehinggakan pelajar prauniversiti juga masih lemah dalam penguasaan ayat majmuk sedangkan ayat majmuk merupakan ayat yang biasanya digunakan di peringkat pengajian tinggi. Lantas, kajian berkaitan ayat majmuk dalam teks seumpama ini perlu dilakukan lebih-lebih lagi kandungan teks menjadi pilihan untuk sumber kajian kebanyakan pelajar IPT.

Kajian Ab. Razak Ab. Karim dan Nurul Ain Alizuddin (2015, 2016) telah melakukan dua kajian berkaitan ayat majmuk iaitu ayat majmuk pancangan dan juga ayat majmuk gabungan. Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Transformasi Generatif bagi kedua-dua kajiannya. Pengkaji telah membuktikan bahawa dalam penulisan pantun juga boleh menggunakan ayat majmuk melalui proses transformasi iaitu transformasi pengguguran, penyusunan semula dan juga proses peluasan. Manakala hasil analisis bagi kajian ayat majmuk gabungan bahasa Melayu membuktikan bahawa ayat majmuk juga boleh digunakan dalam penulisan pantun. Pengkaji menjelaskan bahawa pantun merupakan satu genre yang tidak melanggar hukum tatabahasa dan pendengar boleh memahami mesej yang ingin disampaikan. Walaupun struktur ayat

dalam pantun agak sukar untuk menzahirkan koheran dan kohesi, namun ayat majmuk masih boleh digunakan sedangkan dalam teks ucapan yang jelas ayatnya dari segi tautan dan tenunan perlulah menggunakan ayat majmuk yang sempurna dan tepat sebagaimana yang ditekankan dalam buku Tatabahasa Dewan.

Kajian Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022) telah melakukan kajian terhadap Teks Perdana Menteri semasa era Pandemik COVID-19. Kajian ini dilakukan bagi tujuan meneliti penggunaan retorik naratif dalam teks ucapan Perdana Menteri dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Di samping itu, Jyh Wee Sew (2016) turut melakukan satu analisis teks yang melibatkan Novel Anwar Ibrahim bagi melakukan tinjauan terhadap kualiti buku ilmiah Bahasa Melayu terbitan tahun 2014. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan kerangka ilmiah yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu penampilan luaran dan juga struktur dalaman bagi mendapatkan data kajian.

Walau kajian-kajian terdahulu tidak membincangkan ayat majmuk secara mendalam dan meluas, namun ia bukanlah bermakna bidang tersebut tidak mempunyai kelompangan untuk dikaji. Kajian berkaitan penggunaan ayat majmuk dalam teks ucapan perlu dititikberatkan kerana konteks ayat yang disampaikan sangat penting untuk difahami dan seterusnya dipraktikkan oleh pendengar atau pembaca teks ucapan.

3. Metodologi Kajian

Pendekatan dalam kajian merupakan satu perkara yang penting dalam melakukan sesuatu kajian. Hal ini kerana pendekatan dalam kajian menentukan cara pengkaji mendapatkan data kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis dan mendapatkan data kajian. Pendekatan kualitatif merupakan satu pendekatan yang berbeza dengan pendekatan kuantitatif kerana mempunyai bentuk data yang berlainan. Pendekatan kualitatif terdiri daripada bentuk temu bual, pemerhatian dan juga analisis kandungan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012) yang mampu memberikan data tanpa had kepada pengkaji kerana kaedah-kaedah tersebut mampu memberi input yang mendalam dan menyeluruh.

Kajian kualitatif dengan menganalisis dokumen adalah kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini juga memilih teks rasmi ucapan Perasmian YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pendidikan Tinggi bersempena Seminar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2022 bertajuk “Melonjakkan Aspirasi Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Yang Mampan”. Teks ucapan dengan tujuh muka surat dengan bilangan korpus ayat majmuk sebanyak 29 ayat telah dianalisis. Data dianalisis secara manual iaitu melalui pembacaan dan pengenalanpastian ayat majmuk yang terdapat dalam teks ucapan oleh pengkaji sendiri dan kemudiannya, dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Tatabahasa Dewan. Kewajaran memilih teks tersebut juga didorong oleh peranan KPT dalam membantu melahirkan generasi masa depan yang berpendidikan demi menerajui masa depan negara. Lantas, kewajaran menilai teks yang digunakan juga adalah penting untuk memastikan setiap kementerian atau agensi kerajaan terutamanya KPT seumpama ini menggunakan terma yang betul serta konteks ayat yang sesuai demi imej dan peranannya yang menjaga dasar-dasar berkaitan pendidikan. Dalam erti lain, penggunaan ayat yang sesuai dalam sesuatu teks ucapan adalah sangat penting kerana ia bukan sahaja untuk tujuan menyampaikan amanat atau mesej malah, ia sebahagian daripada proses pemahaman yang memerlukan pembaca atau pendengar belajar konteks ayat yang digunakan. Maka, kewajaran menganalisis penggunaan ayat majmuk dalam teks ucapan ini adalah perlu untuk memastikan kandungan ucapan bukan sahaja difahami malah, kerajaan melalui KPT juga mendidik pembaca dan pendengar atau masyarakat umum dengan menggunakan struktur ayat yang jelas dan tepat sebagaimana yang telah diwartakan melalui pendekatan Tatabahasa Dewan.

Kaedah ini merupakan kaedah yang paling sesuai kerana analisis dokumen merupakan satu kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk mengkaji kandungan teks yang merangkumi perkataan, ayat, maksud, gambar, mesej yang melibatkan komunikasi dan sebagainya. Kaedah ini turut digunakan oleh

Mohammad Fadzeli Jaafar (2016) dalam kajian berkaitan Teks Kesusasteraan Melayu dan Jyh Wee Sew (2016) berkaitan Novel Anwar Ridhwan (2016) bagi memantapkan dapatan kajian mereka. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, dapat dilihat bahawa pentingnya penggunaan bahasa Melayu yang tepat bagi menyampaikan sesuatu perkara mengikut sesuatu bidang atau situasi dan melalui kajian bagi membuktikan bahawa kaedah analisis kandungan dapat membantu memperlihatkan penggunaan bahasa dalam sesuatu teks sama ada sesuai dengan konteks teks tersebut atau sebaliknya.

Kaedah analisis dokumen yang sesuai untuk digunakan adalah seperti diari atau jurnal, buku teks dan rujukan, buku panduan program, laporan dan sebagainya (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Seterusnya, analisis dokumen ini juga dapat memberikan data yang relevan dan tepat berkaitan isu dan juga masalah kajian. Hal ini kerana dokumen merupakan salah satu sumber yang mudah dikaji kerana data yang diinginkan bersifat sedia ada dan tidak boleh direka. Pemilihan dokumen untuk dianalisis juga tidak kurang pentingnya kerana dokumen yang hampir sempurna mampu memberikan data sehingga tahap tepu kepada pengkaji untuk membincangkan dapatan kajian.

Oleh itu, kajian ini memilih teks rasmi ucapan Perasmian YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pendidikan Tinggi bersempena Seminar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2022 (SPPT 2022) “Melonjakkan Aspirasi Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Yang Mampan” pada 29 September 2022. Perasmian ini diadakan di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Kandungan teks ucapan tersebut sesuai dengan peranan KPT yang berusaha untuk meningkatkan peranan setiap sekolah dan universiti selain daripada usaha kerajaan melalui dasar-dasar yang dibentuk untuk memartabatkan pendidikan melalui Kementerian Pengajian Tinggi ekoran daripada pelaporan yang menyatakan pelajar kurang berminat untuk meneruskan pelajaran setelah tamat tingkatan 5. Oleh itu, teks ucapan tersebut perlulah sesuai dan tidak menyimpang daripada ilmu termasuklah ilmu berkaitan ayat majmuk yang digunakan dalam teks tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan bagi tujuan membuktikan bahawa terdapat penggunaan ayat majmuk dalam sesuatu teks ucapan terutama ucapan-ucapan menteri yang mempunyai peranan besar dalam merangka dasar-dasar negara demi kemajuan dan kemampunan sesuatu kementerian seumpama ini.

3.1. Kerangka Teori

Kajian yang dilakukan ini berteraskan 1 pendekatan yang mendasari proses menganalisis data, iaitu Pendekatan Tatabahasa Dewan. Pemilihan pendekatan tersebut sesuai dengan laras kajian yang merungkai tentang penggunaan ayat majmuk dalam teks rasmi Menteri Pendidikan. Perbincangan seterusnya ialah penjelasan berkaitan pendekatan yang digunakan dan perkaitan langsung dengan ayat yang dianalisis dalam kajian ini.

3.1.1 Pendekatan Tatabahasa Dewan

Pendekatan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga merupakan buku ilmiah yang dihasilkan oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015. Kandungan buku ini memberikan tumpuan pada aspek pembentukan perkataan dan pembinaan ayat, namun perbincangan hanya berfokus pada ayat majmuk selari dengan bidang kajian ini. Berdasarkan pendekatan Tatabahasa Dewan, ayat majmuk merupakan gabungan beberapa ayat tunggal untuk membentuk ayat baharu dengan pemaknaan yang sama atau baharu berdasarkan bentuk atau ciri-ciri pemajmukan. Lazimnya, ayat yang panjang atau deretan beberapa ayat sesuai untuk digunakan dalam sesuatu penulisan atau pengucapan yang memerlukan penghujahan isi atau fakta. Justeru, kajian yang dilakukan ini sesuai untuk dipadankan dengan teori dan pendekatan yang digunakan untuk menganalisis dan seterusnya membincangkan dapatan kajian ini.

Terdapat tiga jenis ayat majmuk, antaranya ialah ayat majmuk gabungan yang menggabungkan dua atau lebih ayat yang setara atau sama penting dengan menggunakan kata hubungan. Selain itu, ayat

majmuk pancangan juga adalah salah satu daripada ayat majmuk yang menekankan ayat induk dengan satu atau beberapa ayat kecil yang dipancangkan dalam ayat utama melalui tiga kaedah pancangan iaitu pancangan relatif, pancangan komponen dan pancangan keterangan. Ayat majmuk yang ketiga ialah ayat majmuk campuran yang berfokuskan kepada satu ayat tunggal dengan gabungan ayat majmuk. Berdasarkan rajah 3, dapat dilihat dengan jelas pendekatan Tatabahasa Dewan yang mendasari kajian yang dilakukan.



Rajah 3 : Pendekatan Tatabahasa Dewan (Ayat Majmuk)

4. Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini memfokuskan dua objektif iaitu jenis ayat majmuk yang dianalisis melalui pendekatan Tatabahasa Dewan dan struktur pembentukan ayat majmuk yang digunakan dalam teks ucapan rasmi Menteri Pendidikan pada tahun 2022. Kajian ini menganalisis kandungan pada Teks Ucapan Menteri Pendidikan sempena Seminar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2022 (SPPT) “Melonjakkan Aspirasi Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Yang Mampan”. Seterusnya, huraian data yang diperolehi akan diperincikan bagi kedua-dua objektif yang telah dinyatakan.

i. Jenis Ayat Majmuk

Hasil analisis teks yang dilakukan pada teks ucapan rasmi Menteri Pendidikan mendapati bahawa terdapat penggunaan tiga jenis ayat majmuk iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran.

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Jenis Ayat Majmuk

JENIS AYAT MAJMUK	KEKERAPAN/BILANGAN
Gabungan	16
Pancangan	3
Campuran	10

Jadual 1 menunjukkan jumlah kekerapan bagi setiap jenis ayat majmuk yang diguna pakai dalam teks rasmi ucapan Menteri Pendidikan. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa ayat majmuk jenis gabungan lebih banyak digunakan dengan jumlah kekerapan sebanyak 16 ayat berbanding jenis ayat majmuk yang lain. Manakala ayat majmuk jenis pancangan pula merupakan ayat majmuk yang paling sedikit digunakan dengan jumlah kekerapan sebanyak tiga (3) ayat sahaja kerana kebanyakan ayat pancangan digunakan serentak dengan ayat majmuk gabungan dan membentuk ayat majmuk campuran. Ayat majmuk campuran pula didapati digunakan sebanyak 10 ayat dalam teks rasmi ucapan Menteri Pendidikan. Oleh hal yang demikian, penggunaan ayat majmuk bagi ketiga-tiga jenis ayat ini digunakan bagi membentuk satu ayat baharu yang lebih ringkas dan mudah difahami pembaca atau pendengar tanpa mengubah makna asal sesuatu ayat tersebut.

ii. Struktur Pembentukan Ayat Majmuk

Ayat Majmuk Gabungan

Ayat majmuk gabungan merupakan gabungan dua atau lebih ayat dengan menggunakan kata hubung. Ayat majmuk gabungan pula terdiri daripada tiga jenis gabungan iaitu gabungan susunan fakta yang berturutan, gabungan maksud pertentangan fakta dan gabungan dua atau lebih ayat menggunakan kata hubung yang berpasangan. Berikut adalah ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam teks ucapan rasmi Menteri Pendidikan tahun 2022.

“Tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi dan juga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), selaku penganjur bersama, atas inisiatif mengadakan sesi wacana ini.”

Petikan Ucapan Menteri Pendidikan, 2022

Petikan ayat di atas merupakan ayat majmuk gabungan bagi jenis gabungan susunan fakta yang berurutan. Pembentukan struktur bagi ayat majmuk ini dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 2: Struktur Pembentukan Ayat Majmuk Gabungan

Ayat 1	:	Tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Education Malaysia selaku penganjur atas inisiatif mengadakan sesi wacana ini.
Ayat 2	:	Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi selaku penganjur bersama, atas inisiatif mengadakan sesi wacana ini.
Ayat 3	:	Tahniah saya ucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), selaku penganjur bersama, atas inisiatif mengadakan sesi wacana ini

Berdasarkan struktur pembentukan ayat di atas, dapat dilihat bahawa ayat majmuk gabungan terdiri daripada dua atau lebih ayat tunggal yang boleh berdiri sendiri. Ketiga-tiga ayat tunggal tersebut mempunyai subjek dan frasa yang sama dan boleh digugurkan. Kemudian, hanya frasa seperti **Jabatan Pendidikan Tinggi** pada ayat kedua dan **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** pada ayat ketiga yang

digabungkan dengan ayat pertama. Bagi menggabungkan ayat pertama dan kedua-dua frasa tersebut, kata hubung yang digunakan adalah penanda hubungan iaitu ‘**tanda koma (,)**’ dan juga perkataan ‘**dan**’.

Gabungan ketiga-tiga ayat tersebut membantu meringkaskan ayat iaitu daripada tiga ayat menjadi satu ayat sahaja, malah pembentukan gabungan ayat tersebut tidak mengubah sebarang makna asal ayat tetapi lebih ringkas dan mudah difahami melalui pembentukan semula struktur ayat asas kepada satu struktur baharu tanpa mengubah makna asal ayat tersebut dan gabungan ayat tersebut dapat diterima dan juga difahami oleh pendengar. Dalam erti lain, proses pengguguran yang mempunyai unsur sama telah dilakukan terhadap tiga ayat tersebut kerana unsur yang sama tidak perlu diulang frasa nama sebagai subjek yang merujuk kepada frasa ‘**Tahniah saya ucapkan kepada**’ dalam jadual 2. Ayat tersebut juga dikategorikan sebagai gabungan yang susunan faktanya secara berurutan iaitu satu demi satu dengan menggunakan tanda koma dan kata hubung dan seperti dapatan analisis kajian ini.

Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk pancangan merupakan ayat majmuk yang terdiri daripada ayat induk dan satu atau lebih ayat kecil yang dipancarkan pada ayat induk. Ayat majmuk pancangan terdiri daripada tiga jenis iaitu ayat relatif, ayat komplemen dan ayat keterangan. Petikan ayat berikut merupakan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam teks ucapan Menteri Pendidikan pada tahun 2022.

“Perkara ini tidak mustahil untuk dicapai berdasarkan trend permohonan pelajar antarabangsa yang telah kembali menunjukkan peningkatan positif sehingga 32 peratus pada tahun 2021.”

Petikan Ucapan Menteri Pendidikan, 2022

Petikan ayat di atas merupakan ayat majmuk pancangan bagi jenis keterangan dan relatif. Pembentukan struktur bagi ayat majmuk ini dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 3: Struktur Pembentukan Ayat Majmuk Pancangan

Ayat 1	:	Perkara ini tidak mustahil untuk dicapai berdasarkan trend permohonan pelajar antarabangsa
Ayat 2	:	Trend permohonan pelajar antarabangsa telah kembali menunjukkan peningkatan positif sehingga 32 peratus pada tahun 2021.

Berdasarkan struktur pembentukan ayat pertama tersebut dapat dilihat bahawa ayat majmuk pancangan keterangan telah digunakan. Hal ini kerana ayat ‘**dicapai berdasarkan trend permohonan pelajar antarabangsa**’ menerangkan ayat ‘**Perkara ini tidak mustahil**’ dan menjadi ayat induk. Ayat pertama diklasifikasikan sebagai ayat majmuk pancangan jenis komplemen kerana terdapat penggunaan kata hubung ‘**untuk**’ dan struktur pembentukan ayat yang menunjukkan komplemen frasa kerja iaitu pada frasa ‘**dicapai**’ adalah kata kerja tak transitif yang diikuti buktian frasa nama objek tetapi keterangan lain yang berfungsi untuk melengkapkan frasa tersebut. Kemudian, ayat kedua dipancarkan pada ayat pertama dengan menggunakan kata ‘**yang**’ sebagai kata hubung dan menggugurkan frasa yang berulang dan seterusnya menjadi sebahagian ayat induk. Proses yang berlaku dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa ayat pertama merupakan ayat induk yang dibincangkan kemudian dipancarkan dengan satu ayat kecil lain dan menjadi sebahagian daripada ayat tersebut sebagaimana yang dijelaskan dalam pendekatan Tatabahasa Dewan. Oleh hal yang demikian, meskipun ayat-ayat kecil dipancarkan pada ayat induk, makna yang

ingin disampaikan tidak berubah, bahkan ayat tersebut menjadi lebih kukuh dan boleh diterima pendengar seperti yang dinyatakan dalam Pendekatan Tatabahasa Dewan.

Ayat Majmuk Campuran

Ayat majmuk campuran merupakan ayat majmuk yang terdiri daripada lebih satu jenis ayat iaitu ayat yang bercampur-campur atau deretan pelbagai jenis ayat majmuk lain seperti ayat majmuk gabungan, ayat majmuk keterangan dan ayat majmuk pancangan dan akhirnya menjadi ayat campuran. Berikut adalah contoh petikan ayat yang terdapat dalam teks ucapan rasmi Menteri Pendidikan pada tahun 2022 yang menunjukkan terdapatnya ayat majmuk campuran dalam teks tersebut.

“Tenaga semua pihak perlu digembleng untuk menambah baik pertumbuhan pelajar dan staf antarabangsa di samping meningkatkan mobiliti inbound dan outbound.”

Petikan Ucapan Menteri Pendidikan, 2022

Petikan ayat di atas merupakan ayat majmuk campuran yang melibatkan ayat majmuk jenis pancangan dan gabungan. Pembentukan struktur bagi ayat majmuk pancangan dapat dijelaskan seperti berikut:

Jadual 4: Struktur Pembentukan Ayat Majmuk Campuran

Ayat 1	:	Tenaga semua pihak perlu digembleng
Ayat 2	:	untuk menambah baik pertumbuhan pelajar dan staf antarabangsa di samping meningkatkan mobiliti inbound dan outbound.

Berdasarkan struktur pembentukan ayat di atas, dapat dilihat bahawa jenis ayat majmuk yang pertama adalah ayat majmuk jenis keterangan. Ayat keterangan merupakan ayat majmuk yang mempunyai ayat induk dan satu atau lebih ayat kecil yang fungsinya sebagai penerang kepada predikat. Terdapat tiga jenis ayat keterangan dalam ayat majmuk iaitu, keterangan musabab, keterangan akibat, keterangan syarat, keterangan waktu, keterangan pertentangan, keterangan harapan, keterangan cara, keterangan tujuan dan keterangan perbandingan. Setiap jenis ayat keterangan tersebut mempunyai perkataan tertentu yang menandainya. Antaranya ialah kata **‘dengan’** adalah untuk menandai ayat majmuk keterangan cara, manakala **‘hingga’** pula menandai ayat keterangan syarat. Bagi ayat 1 yang dibincangkan seperti jadual 4, ia adalah ayat majmuk keterangan tujuan yang mempunyai unsur menerangkan maksud bagi sesuatu perkara yang berlaku. Contohnya, ayat pertama merupakan ayat induk manakala ayat kedua adalah ayat kecil yang dipancarkan pada ayat induk dan menjadi ayat utama. Ayat kedua dipancarkan pada ayat pertama untuk tujuan menerangkan sebab bagi ayat pertama iaitu tujuan semua pihak perlu menggembleng tenaga. Kata hubung yang digunakan dalam ayat majmuk ini adalah kata **‘untuk’**.

Jadual 5: Struktur Pembentukan Ayat Majmuk Campuran

Ayat 3	:	Tenaga semua pihak perlu digembleng untuk menambah baik pertumbuhan pelajar di samping meningkatkan mobiliti inbound dan outbound.
Ayat 4	:	Tenaga semua pihak perlu digembleng untuk menambah baik pertumbuhan staf

	antarabangsa di samping meningkatkan mobiliti inbound dan outbound.
--	--

Seterusnya, ayat majmuk kedua adalah ayat majmuk jenis gabungan. Ayat 3 dan 4 pula merupakan struktur pembentukan bagi ayat majmuk gabungan yang susunan faktanya berurutan satu demi satu iaitu pada frasa **‘pelajar’** dan **‘staf’**. Ayat-ayat tersebut mempunyai subjek yang sama namun berbeza dari segi predikatnya. Oleh hal yang demikian, kedua-dua ayat ini digabungkan dengan menggunakan kata hubung **‘dan’** dan menggugurkan beberapa frasa untuk membentuk ayat majmuk gabungan yang sempurna. Frasa **‘staf antarabangsa’** dalam ayat empat digabungkan dengan ayat tiga di antara frasa **‘... pertumbuhan pelajar ...’** dan **‘... di samping meningkatkan mobiliti ...’**. Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dilihat bahawa keempat-empat ayat tersebut telah digabungkan menggunakan kata hubung yang menunjukkan ia adalah ayat majmuk campuran, namun makna keempat-empat ayat tersebut tidak berubah seperti makna asal.

Jadual 6: Struktur Pembentukan Ayat Majmuk Campuran

Ayat 5	:	Tenaga semua pihak perlu digembleng untuk menambah baik pertumbuhan staf antarabangsa di samping meningkatkan mobiliti inbound.
Ayat 6	:	Tenaga semua pihak perlu digembleng untuk menambah baik pertumbuhan staf antarabangsa di samping meningkatkan mobiliti outbound.

Seterusnya, ayat majmuk ketiga juga adalah ayat majmuk jenis gabungan. Ayat 5 dan 6 pula merupakan struktur pembentukan bagi ayat majmuk gabungan. Ayat 5 dan 6 juga mempunyai konteks yang sama seperti ayat 3 dan 4 iaitu mempunyai subjek yang sama dan berbeza dari segi predikat. Oleh hal yang demikian, kedua-dua ayat ini digabungkan dengan menggunakan kata hubung **‘dan’** dan menggugurkan beberapa frasa untuk membentuk ayat majmuk gabungan yang menggabungkan frasa **‘inbound’** dan **‘outbound’**. Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dilihat bahawa ayat 1 dan 2 merupakan ayat majmuk keterangan manakala ayat 3, 4, 5 dan 6 pula adalah ayat majmuk gabungan. Keenam-enam ayat tersebut telah digabungkan dengan menggugurkan beberapa frasa sebagaimana yang diperincikan dalam Pendekatan Tatabahasa Dewan sehingga menjadikan ayat tersebut adalah ayat majmuk campuran. Walau bagaimanapun, makna keenam-enam ayat tersebut tidak berubah seperti makna asal walaupun telah digabungkan menjadi satu ayat dengan menggunakan kaedah ayat majmuk campuran.

Oleh hal yang demikian, dapat dibuktikan bahawa Pendekatan Tatabahasa Dewan telah diguna pakai dalam menghasilkan sesuatu teks ucapan. Meskipun ayat majmuk campuran melibatkan dua jenis ayat majmuk yang berbeza, namun makna yang ingin disampaikan tidak berubah dan masih boleh difahami oleh pendengar. Struktur ayat yang digunakan dalam teks ucapan menteri ini juga mempamerkan kematangan ayat tanpa mengabaikan susunan mahupun prinsip yang ditekankan dalam Pendekatan Tatabahasa Dewan. Ayat-ayat majmuk yang digunakan juga adalah tepat dan tidak mengelirukan malah, mesej yang disampaikan jelas dan mudah untuk difahami lebih-lebih lagi konteks pendengar pada ketika ucapan itu diungkapkan. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa kepelbagaian jenis ayat majmuk digunakan dalam teks rasmi ucapan Menteri Pendidikan bertujuan untuk menjadikan konteks ucapan lebih menarik dengan menggunakan pelbagai jenis ayat majmuk. Berdasarkan dapatan analisis sebanyak 29 ayat majmuk yang digunakan dalam teks ucapan ini iaitu sebanyak 16 ayat majmuk melibatkan ayat majmuk gabungan, 10 ayat majmuk campuran dan 3 ayat majmuk pancangan. Kepelbagaian ayat yang digunakan dalam

penyampaian ucapan adalah satu keperluan untuk memastikan agar ucapan yang dizahirkan menarik dan difahami oleh semua pendengar sebagaimana kajian Aminnudin Saimon (2022) yang menyatakan kepentingan kepelbagaian strategi yang perlu digunakan dalam teks ucapan untuk mempengaruhi penerimaan pendengar mengenai ideologi yang disampaikan termasuklah penggunaan ayat seperti ayat-ayat majmuk ini.

5. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi membuktikan bahawa terdapat penggunaan ayat majmuk dalam teks ucapan rasmi Menteri Pendidikan yang memerlukan perhatian semua pihak terutama penggubal teks rasmi ucapan wakil kerajaan bagi memastikan mesej atau maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima, difahami dan diamati oleh sasaran. Pemilihan diksi dan ayat sangat penting dalam sesuatu penulisan lebih-lebih lagi kandungan ucapan seumpama ini untuk menjadikan ia bersifat gramatis dengan ayat-ayat yang mudah difahami tetapi tetap memberi impak yang berkualiti. Walaupun kajian oleh Narishon Radzi et al. (2022) mengatakan bahawa penggunaan singkatan dalam penyampaian maklumat adalah signifikan dalam kalangan masyarakat tempatan. Sedangkan, penggunaan ayat majmuk dalam sesuatu teks adalah bertujuan untuk memantapkan penyampaian mesej penutur bagi sesuatu perkara.

Selain itu, kajian ini dapat memperlihatkan kepada pengkaji akan datang atau pembaca bahawa penggunaan ayat majmuk adalah penting untuk menyampaikan pesanan agar mudah difahami pendengar. Setelah melakukan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penyampaian yang boleh diterima oleh audien adalah ucapan yang ringkas dan padat tanpa mengulang sesuatu ayat, klausa, frasa dan sebagainya. Hal ini kerana dengan adanya penggunaan ayat majmuk, beberapa ayat tunggal, frasa atau sebagainya tidak perlu diulang dalam satu petikan teks dan ia menjadikan teks ucapan tersebut ringkas dan padat serta mudah difahami.

Oleh hal yang demikian, wajar sekiranya kajian berkaitan ayat majmuk ini dapat diteruskan oleh pengkaji pada masa akan datang dengan memperincikan ciri-ciri yang sesuai dengan merujuk teori lain bersifat komunikatif untuk menilai keberkesanan ayat-ayat yang digunakan dalam ujaran ucapan. Antara kajian yang boleh dijalankan adalah seperti analisis ayat majmuk dalam novel, akhbar, buku cerita kanak-kanak dan sebagainya. Kajian-kajian ini boleh membuktikan bahawa penggunaan ayat majmuk ini wujud dan diguna pakai dalam pelbagai jenis penulisan yang bukan hanya dalam teks ucapan rasmi semata-mata malah teks lain seperti dokumen rasmi, surat menyurat dan sebagainya. Lebih-lebih lagi, kajian oleh Sara Beden (2022) yang menekankan bahawa aspek komunikasi adalah aspek penting melalui penggunaan bahasa yang berfungsi sebagai wahana atau wadah yang akan diperhati, diteliti dan dihakimi oleh lingkungan sekelilingnya. Justeru, pendapat beliau menegaskan lagi bahawa pemilihan ayat yang sesuai dalam sesuatu komunikasi sama ada lisan mahupun tulisan sebagaimana kajian ini adalah penting kerana ia akan ayat-ayat yang digunakan akan diperhati dalam konteks bertujuan untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan melalui ucapan tersebut.

Rujukan

- Aminnudin Saimon. 2022. Penggunaan Kata Emotif dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Sempena Hari Kebangsaan. *PENDETA*, 13 (2), 25-40
- AA Sariyan. 2009. Peranan Bahasa dalam pembinaan insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. *Jurnal Hadhari, Bil. 1*, 1-29.
- Ab.Razak Ab.Karim, & Nurul Ain Alizuddin. 2015. Analisis Ayat Majmuk Pancangan Bahasa Melayu Dalam Pantun Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jil.26, 1-28.

- Ab.Razak Ab.Karim, & Nurul Ain Alizuddin. 2016. Pantun Melayu: Analisis Ayat Majmuk Pancangan Bahasa Melayu. *MANU*, Bil. 23, 111-141.
- Harishon Radzi, Nur Anis Syafiqa Zulkifle & Junaini Kasdan. 2022. Penggunaan Singkatan dalam Sistem Pesanan Ringkas oleh Majlis Keselamatan Negara. *Jurnal Linguistik*, Vol. 6 (1), 075-087.
- Hariri Ali Imran, & Nasihah Hashim. 2022. Retorik naratif Dalam Teks UCAPAN Perdana menteri Semasa Era pandemik.
- Jasmi, K. A. 2012. Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1* 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor.
- Johari, A. 2015. Analisis Kesalahan Umum Struktur Ayat Majmuk Oleh pelajar asing. *Proceeding of ILCC 2013*.
- Jyh Wee Sew. 2016. Analisis Kajian sastera: Semiotik Dalam novel Anwar Ridhwan. *Akademika* 86 (2), 53-63.
- Mohamad Fadzeli Jaafar. 2016. Gaya Ujaran dalam Teks Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*, Jil.23 (2),341-361.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norul Haida Hj.Reduzan, Normarini Norzan, & Abdullah Yusof. 2018. Analisis Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan Dalam Karangan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, Vol.3 (20), 41-50.
- Sara Beden. 2022. Analisis Konteks Peristiwa Bahasa Melatu Sarawak: Aplikasi Pola Kombinasi Maksim Leech (1983) & Grice (1975). *Jurnal Linguistik*, Vol. 26(1), 034-057.
- Sheikh Othman. 2007. *Definisi Komunikasi*. Carian Umum. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=komunikasi&d=102572&>
- Sulaila, N. 2021. Teori generatif-Transformatif Noam chomsky Dan Relevansinya dalam pembelajaran Bahasa arab. *EMPIRISMA*, Vol.11(2)
- Syed Abdul Rahman, S. M. H., Mohd Anuar Ramli, Che Zarrina Sa'ari, Azah Anir Norman, Mohd Anuar Mamat, & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2022. Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu Dan Panduan Perspektif. *Jurnal Usuluddin* 50 (1), 73-96.
- Wong Shia Ho. 2014. Makna penutur Dalam Ayat Teks UCAPAN Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori relevans. *PENDETA*, 5,(207-239).
- Yusniza Yaakub & Noriah Mohamed. 2018. Ungkapan Berimplikatur sebagai Strategi Kesopanan dalam Warkah Koleksi Pendeta Za'ba. *PENDETA*, 19, (120-143)

Biodata Penulis

Nur Asyikin Rodin merupakan calon pelajar Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian bahasa, Universiti Teknologi Mara, UiTM Shah Alam dalam bidang Pengajian Bahasa Gunaan.

Mohamad Nik Mat Pelet (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu dan Morfologi (Tatabahasa Bahasa Melayu)